Latihan Kata Banyak Makna

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

1.
I Pemandangan di tengah sawah itu sangat buruk.
II Ayah mengesat peluh dengan sehelai kain buruk.
III Abang Jas sedang berehat di pondok buruk di tepi sawah.
IV Orang-orangan di tengah sawah itu diperbuat daripada kain buruk.

A I dan II
B II dan IV
C I,II dan III
D II,III dan IV

2.
I Farah tidak lalu hendak makan di gerai yang kotor itu.
II Pengalaman lalu harus dijadikan pengajaran untuk menghadapi hari muka.
III Emak mengangkat kain di ampaian lalu melipatnya.
IV Datuk Majid mengisi masa lalu dengan bermain golf.

A I dan III
B II dan III
C I,II dan III
D II,III dan IV

3.
I Air sungai di belakang rumah datuk sangat dalam.
II Keluarga Encik Tang bercakap dalam bahasa Inggeris.
III Jangan suka membuang masa dalam perkara yang tidak berfaedah.
IV Kami tidak faham perkataan yang diucapkan oleh lelaki itu kerana suaranya sangat dalam.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4.
I Kee Heng menonton filem itu sehingga tamat.
II Lai Ming tamat mendaki gunung yang tinggi itu.
III Perkhidmatannya akan tamat pada bulan depan.
IV Lesen memandu Fadli tamat pada pertengahan bulan ini.

A I dan III
B II dan III
C I, II dan III
D I, III dan IV

5.
I Ali membeli tiket kereta api kelas ekonomi.
II Kelas itu pecah kerana terhempas ke batu.
III Sharil dan Mutu belajar di dalam kelas pemulihan.
IV Puan Lee ditempatkan di wad kelas pertama di hospital itu.

A I dan II
B II dan III
C I, III dan IV
D II,III dan IV

6. I Dia memerah kakinya supaya berjalan dengan pantas.
II Petani-petani itu memerah keringat bekerja di tengah sawah.
III Guru Besar memerah tukang kebun supaya memotong rumput.
IV Kami memerah otak untuk menyelesaikan masalah Matematik itu.

A I dan II
B II dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. I Gigi budak itu tanggal semalam.
II Samad meninggal dunia pada tanggal 30 Oktober yang lalu.
III Cuaca yang panas menyebabkan Ali dan Sazali tanggal bajunya.
IV Kerana marahkan ibunya, dia menendang pintu itu hingga tanggal engselnya.

A I dan II
B II dan IV
C I, II dan IV
D II, III dan IV

8. I Pendapatan bulanan Encik Mutalib sangat kencang.
II Nelayan tidak turun ke laut pada musim angin kencang.
III Suaranya yang kencang itu menakutkan sesiapa sahaja yang mendengarnya.
IV Tendangan kencang pemain bola sepak itu telah menggegar jaring gol lawan.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

9. I Kakak Zamil ingin lanjut pelajarannya ke luar negeri.
II Sejak lanjut usia, datuk hanya berehat sahaja di rumah.
III Cikgu menyuruh murid-murid lanjut kerja walaupun loceng rehat telah berbunyi.
IV Aziz M.Osman enggan mengulas dengan lebih lanjut tentang filem yang akan diarahkannya.

A I dan III
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

10. I Rumah lama itu telah dirobohkan.
II Dia gemar menyimpan barang-barang lama.
III Sudah lama dia menunggu kedatangan awak.
IV Azmi berjalan dengan lama menuju ke pusara ibunya..

A I dan II
B II dan III
C I, II dan III
D I, II, III dan IV

11. I Penyelam itu menyelam hingga ke dasar laut.
II Rumah itu atapnya zink, dindingnya papan dan dasarnya simen.
III Dasar undang-undang negara diambil daripada undang-undang lama.
IV Pelajar itu mempunyai dasar keluarga yang miskin.

A I dan II
B III dan IV
C I, II dan III
D I, II, III dan IV

12. I Muka budak yang sakit jantung itu pucat.
II Bayaran muka motosikal itu sebanyak RM400.00 sahaja.
III Setelah kilat sabung-menyabung, muka hujan pun turun.
IV Azlan tidak berani angkat muka semasa dimarahi gurunya.

A I dan II
B I dan III
C I, II dan III
D I, II dan IV

13. I Zana melukis gambar bulan sabit.
II Sabit digunakan untuk memotong rumput.
III Sekiranya sabit kesalahan, penculik itu akan dipenjarakan.
IV Mahkamah akan menjatuhkan hukuman sabit kepada pesalah.

A I dan II
B I dan III
C I, II dan III
D I, II dan IV

14. I Halaman rumah Neena sangat bersih.
II Piring putih kelihatan terbang di halaman angkasa.
III Buku cerita itu mengandungi seratus dua puluh halaman.
IV Surat khabar menyediakan satu halaman khas untuk para pelajar.

A I dan III
B II dan III
C I, II dan IV
D I, III dan IV

15. I Beberapa orang kanak-kanak berkejar-kejaran di padang.
II Beberapa ekor ayam berkejar-kejaran apabila Abu menaburkan padi.
III Pemandu kereta lumba itu berkejar-kejaran untuk ke garisan penamat.
IV Polis sedang berkejar-kejaran dengan penyamun yang melarikan diri itu.

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D I dan III

16. I Kita arus menghormati ibu bapa kita.
II Suri berasa arus pada waktu tengah hari itu.
III Arus elektrik yang terdapat pada wayar boleh membahayakan kanak-kanak.
IV Kita mesti mengikut arus pemodenan pada masa ini supaya kita tidak ketinggalan.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

17. I Pencuri itu telah kena bekas oleh pihak polis.
II Bekas hartanya menjadi rebutan anak-anaknya.
III Haji Tamrin ialah bekas ketua kampung yang amat disayangi.
IV Anggota PERHILITAN dapat mengesan harimau itu melalui bekas tapak kakinya.

A I dan IV
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

18. I Ahmad telah menerima bahagian pusakanya.
II Saya hanya dapat bahagian kek itu.
III Nenek Zaiton sering sakit pada bahagian kakinya.
IV Kereta yang mengalami kemalangan itu rosak pada beberapa bahagian.

A I dan II
B II dan IV
C I,II dan III
D I,III dan IV

19. I Anjing itu menggondol seketul tulang sambil berlari.
II Pekebun itu menggondol pokok rambutan di kebunnya.
III Abang menggondol hadiah pertama dalam pertandingan cerita.
IV Pak Kasim menggondol rambut Azlin kerana kulit kepala anaknya itu berkudis.

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

20. I Berita itu telah menghancurkan hatinya.
II Masalah itu sentiasa menghancurkan fikirannya.
III Letupan bom itu telah menghancurkan beberapa buah bangunan.
IV Perbuatan Rama telah menghancurkan kepercayaan saya kepadanya.

A I dan III
B I ,II dan III
C I, II dan IV
D II,III dan IV